

**PENGAGIHAN PENDAPATAN BERJUMLAH RM311.2 JUTA  
UNTUK ASB 3 DIDIK DAN ASN EQUITY 2**

*ASB 3 Didik kekalkan dividen pada 4.25 sen  
ASN Equity 2 beri jumlah pulangan 6.09%*

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetap, Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik) dan dana harga berubah, ASN Equity 2 bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2021.
- ASB 3 Didik mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM288.4 juta yang memanfaatkan lebih 300,000 pemegang unit. Agihan pendapatan yang diisytiharkan sebanyak 4.25 sen seunit berada pada 240 mata asas mengatasi penanda aras pulangan Deposit Tetap 12-Bulan Maybank iaitu sebanyak 1.85% bagi tempoh yang sama.
- ASN Equity 2 mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 6.09%, dengan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM22.8 juta. Ini bersamaan dengan 1.76 sen seunit dan memberikan hasil dividen sebanyak 3.45% berdasarkan Nilai Aset Bersih dana pada 25 Jun 2021.

**Kuala Lumpur, 29 Jun 2021:** Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM311.2 juta untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik) dan dana harga berubah, ASN Equity 2 bagi tahun kewangan (TK) berakhir 30 Jun 2021.

**Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik)**

ASB 3 Didik mengisytiharkan pengagihan pendapatan sebanyak 4.25 sen seunit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2021. Pengagihan pendapatan ini melibatkan pembayaran berjumlah RM288.4 juta yang memanfaatkan 302,672 pemegang unit, dan lebih tinggi berbanding RM275.4 juta yang diagihkan pada TK2020. ASB 3 Didik telah mencatatkan pendapatan direalisasikan bersih sebanyak RM295.7 juta, yang menunjukkan peningkatan 17.6% berbanding tahun lalu.

Pengagihan pendapatan untuk ASB 3 Didik adalah 240 mata asas mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12-Bulan Maybank dalam tempoh yang sama iaitu 1.85%. Pengagihan 4.25% oleh ASB 3 Didik juga adalah lebih tinggi daripada pulangan harga Indeks Komposit KL FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) sebanyak 3.65% dalam tempoh yang sama.

## **ASN Equity 2**

Sementara itu, ASN Equity 2 mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 6.09% untuk tahun kewangannya berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) dana pada 25 Jun 2021. Ini mengatasi penanda aras berwajarannya sebanyak 0.75%, yang diwakili oleh 80% Indeks 100 Teratas FTSE Bursa Malaysia (FBM 100) dan 20% Deposit Tetap 12-Bulan Maybank.

ASN Equity 2 juga mengumumkan agihan pendapatan sebanyak 1.76 sen seunit kepada 34,567 pemegang unit, dengan dividen berjumlah RM22.8 juta. Pengagihan ini bersamaan dengan hasil dividen sebanyak 3.45% berdasarkan NAB dana pada 25 Jun 2021.

Prestasi kedua-dua dana ASB 3 Didik dan ASN Equity 2 umumnya didorong oleh pemulihan pasaran kewangan global dan domestik walaupun dalam keadaan pandemik COVID-19. Dana-dana ini juga mendapat manfaat daripada inisiatif kepelbagaian portfolio masing-masing yang terus memberikan hasil positif, dengan peruntukan untuk pelaburan antarabangsa meningkat kepada 20%. Pada masa yang sama, PNB terus meneroka peluang-peluang pelaburan baharu untuk membangunkan portfolio pelaburan yang berdaya tahan dan lestari dalam persekitaran pasaran yang sentiasa berubah.

## **Pengiraan Pengagihan Pendapatan dan Penangguhan Urus Niaga**

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASB 3 Didik adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan, manakala pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASN Equity 2 adalah berdasarkan baki unit yang dipegang pada 30 Jun 2021. Pengagihan yang diisytiharkan oleh dana-dana ini akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Julai 2021.

Urus niaga di semua pejabat cawangan dan ejen ASNB untuk ASB 3 Didik dan ASN Equity 2 telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 24 hingga 30 Jun 2021 untuk memudahkan urusan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka di [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my) melalui aplikasi mudah alih myASNB atau di mana-mana pejabat cawangan ASNB atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 Julai 2021.

*-Tamat-*

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 15 tabung unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 269.6 bilion dan 14.7 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

**Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik)**

Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik) adalah dana harga tetap yang dilancarkan pada 20 April 2001 dengan objektif untuk memberi peluang pelaburan yang dapat menjana pulangan dan pertumbuhan pelaburan jangka panjang yang berpatutan. Setakat 31 Mei 2021, ASB 3 Didik telah dilanggan oleh 302,558 pemegang unit yang memiliki lebih daripada 6.7 bilion unit.

**ASN Equity 2**

ASN Equity 2 adalah dana harga berubah yang dilancarkan pada 9 Jun 1999 dengan objektif untuk memberi peluang kepada pemegang unit untuk mendapat pulangan dalam bentuk pengagihan pendapatan dan pulangan modal pada tahap risiko yang berpatutan melalui pelaburan dalam kepelbagaian portfolio sekuriti, terutamanya dalam ekuiti sekuriti Malaysia selaras dengan Surat Ikatan, Garis Panduan dan undang-undang sekuriti. Setakat 31 Mei 2021, ASN Equity 2 telah dilanggan oleh 34,496 pemegang unit yang memiliki lebih daripada 1.3 bilion unit.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

# PENGAGIHAN PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2021

## AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 DIDIK



**ASB 3 Didik**


Agihan Pendapatan

**4.25** sen  
seunit

Jumlah Pengagihan

**RM 288.4** juta

## Agihan Pendapatan berbanding Penanda Aras



Nota: <sup>1</sup> Kadar Deposit Tetap 12-Bulan Maybank setakat 25 Jun 2021.

Prospektus Induk Gantian bertarikh 1 Februari 2020 dan Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)), cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Amanah Saham Nasional Berhad (47457-V). Syarikat Unit Amanah Permodalan Nasional Berhad (38218-X).

# PENGAGIHAN PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2021

## ASN EQUITY 2



### ASN Equity 2

Jumlah Pulangan <sup>1</sup>

**6.09%**

Hasil Dividen <sup>1</sup>

**3.45%**

Nota: <sup>1</sup> Pengiraan Jumlah Pulangan dan Hasil Dividen bagi setiap dana adalah berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) terkini pada 25 Jun 2021.

Prospektus Induk Gantian bertarikh 1 Februari 2020 dan Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)), cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Amanah Saham Nasional Berhad (47457-V). Syarikat Unit Amanah Permodalan Nasional Berhad (38218-X).